

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HMT 223 Morfologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.

1. (i) Jelaskan konsep penyebaran saling melengkapi dalam penvumpah dan pengayuh.
[5 markah]
- (ii) Terangkan istilah morfem bebas dan morfem terikat menggunakan perkataan bertikam.
[5 markah]
- (iii) Jelaskan prinsip di bawah menggunakan kebas [kəbas] dan mangga [māŋga].
[5 markah]

Bentuk yang homofon tetapi mempunyai makna yang berbeza adalah tergolong ke dalam morfem yang berlainan.
- (iv) Jelaskan istilah "aglutinatif" menggunakan bertuam dan mengubat.
[5 markah]
- (v) Huraikan dengan jelas konsep penaungan dan perkolasi menggunakan mengebumikan.
[5 markah]

.../2

2. (i) "[Dalam] tatabahasa Melayu, sebenarnya tidak ada kategori jantina" (Tatabahasa Dewan, 1933, 290). Menggunakan data (a-d), bincangkan kenyataan ini. Pastikan anda gunakan fitur morfologi genus dalam perbincangan anda.

- (a) seniwati & seniman
- (b) ibu & bapa
- (c) ? hartawati & hartawan
- (d) pelajar

[5 markah]

(ii) Huraikan konsep ketransitifan dengan menggunakan data (e-i).

- (e) berlanggar
- (f) melanggar
- (g) melanggari
- (h) terlanggar
- (i) dilanggar

[5 markah]

(iii) Tunjukkan bagaimana (j-m) boleh dibahagikan kepada dua golongan kata

- (j) terang
- (k) tinggi
- (l) segera
- (m) kelmarin

[10 markah]

(iv) Tunjukkan perbezaan dan persamaan morfem ke dalam (n-o).

- (n) keluar
- (o) ke luar

[5 markah]

3. Kenalpasti dan huraikan proses pembentukan kata dalam data (a-l).

- (a) televisyen
- (b) operasi
- (c) kerjasama
- (d) perdana menteri
- (e) menjajahi
- (f) dijajah
- (g) jajahan
- (h) jelajah
- (i) budak-budak
- (j) bukit-bukau
- (k) PLUS
- (l) pawagam

[25 markah]

4. Tunjukkan kurungan berlabel, rajah pohon dan rumus morf fonemik untuk (a-l).

- (a) bekerja
- (b) penutup
- (c) tertipu
- (d) penyair
- (e) mengatur

(*) Data diambil dari *Kamus Dewan* (1989) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1996).

[25 markah]

